

Dua beradik ke Bukit Aman

Metro 10/1/13 MS 52

Ipoh: Dua beradik perempuan yang masing-masing berusia lima dan tujuh tahun yang dipercayai dicabul, dilwat dan dirogol oleh enam ahli keluarganya termasuk didera secara seksual oleh ibu saudara mereka, dihantar ke Bukit Aman bagi tujuan perincian siasatan.

Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Shukri Dahlan berkata, kedua-dua mangsa kini menjalani terapi dan khidmat psikologi oleh pakar bertauliah, terdiri daripada pegawai polis di Bukit Aman.

Beliau berkata, pegawai polis yang pakar dalam bidang psikologi itu akan berperanan mengumpulkan bukti daripada kedua-dua mangsa.

“Pakar berkenaan akan berkomunikasi dengan mangsa bagi mendapatkan

penjelasan sebenar mengenai deraan seksual membatikan kanak-kanak berkenaan.

“Kami percaya dapat melengkapkan siasatan sejurus rakaman percakapan diperoleh daripada kedua-dua kanak itu,” katanya selepas perhimpunan bulanan Kontinjen Perak, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Perak, semalam.

Katanya, bantuan pakar penting berikutan kedua-dua mangsa masih trauma serta memerlukan khidmat psikologi bagi memulihkan semangat mereka.

Dalam perkembangan sama, katanya, pihaknya sudah menahan enam suspek yang juga ahli keluarga terdekat mangsa termasuk datuk, bapa, bapa saudara, ibu saudara dan dua sepupu lelaki bagi untuk

membantu siasatan.

Bagaimanapun, katanya, datuk mangsa berusia lingkungan 70 an dibebaskan dengan jaminan polis berikutan faktor usia.

Pada 27 Disember lalu, ibu mangsa berusia 37 tahun membuat laporan polis mendakwa dua anaknya dirogol dan didera secara seksual oleh ahli keluarganya sendiri.

Laporan perubatan dikeluarkan Hospital Taiping mendapati ada kesan koyakan pada kemaluan kedua-dua mangsa, namun siasatan masih dijalankan untuk mengenal pasti sama ada ia berpunca daripada kesan rogol dan cabul.

Polis turut menyiasat sama ada wujud unsur penggunaan bahan terlarang seperti dadah digunakan ke atas kanak-kanak berkenaan.



SHUKRI (kiri) bersalaman dengan pegawai polis di Majlis Perhimpunan Ketua Polis Perak di Ipoh, semalam.